## SEJARAH ASAL USUL

Permainan tradisional rakyat ini dimainkan dan disebarkan secara meluas di kebanyakan negeri di Malaysia. Tidak hairanlah jika sesuatu permainan yang terdapat di sesebuah negeri seperti Kedah terdapat juga di negeri-negeri lain. Cuma sebutan dan kaedah permainan mungkin sedikit berbeza dari segi sejarah. Sukar dipastikan dengan tepat asal-usul kewujudan permainan-permainan ini. Ia merupakan warisan budaya yang unik dan diwarisi daripada satu generasi ke generasi yang lain dan dikongsi bersama oleh semua anggota masyarakat. Permainan yang kreatif sering menghiburkan pemain dan penonton.

Permainan ini mudah dan murah kerana banyak menggunakan bahan-bahan 'terbuang' seperti penutup botol, tin-tin kosong dan tempurung kelapa ataupun diambil dari tumbuh-tumbuhan seperti biji getah dan biji saga. Lazimnya dimainkan pada masa lapang dan tiada masa yang khusus untuk dimainkan. Tempat permainan bergantung kepada jenis permainan samada dalaman atau luaran. Antara contoh permainan dalaman adalah seperti Lidi dan Penutup Botol, manakala permainan luaran adalah seperti gasing, wau dan tarik upih.

## *ORIGINS*

*These traditional folk games are played quite extensively throughout Malaysia, with only small differences in the name or in the way the game is played. It is difficult to ascertain the origins of these games. These games are passed down through generations, shared by various communities and gives much amusement to both players and spectators.*

*The games are easy to play and cost almost nothing as the apparatus used are recycled item such as discarded bottle caps, cans, coconut shells or even nature items such as rubber seeds and saga seeds. The games are usually played during leisure time with no specific time of playing. The 'Bebat Tangan', 'Bilah Lidi' and 'Penutup Botol' are played indoor, while some outdoor games included 'Gasing', 'Wau' and 'Tarik Upih'.*

